

09 JAN 2001

MAHATHIR-MYANMAR

MYANMAR PELAWA PELABUR DARI MALAYSIA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 9 Jan (Bernama) -- Kerajaan Myanmar mempelawa syarikat-syarikat Malaysia melabur dalam bidang pengeluaran bahan mentah di negara tersebut, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata hari ini.

"Mereka ingin Malaysia mengkaji kemungkinan melabur di Myanmar untuk mengeluarkan bahan mentah termasuk perikanan," katanya dalam persidangan akhbar di Stesen TUDM Sungai Besi di sini, sebaik kembali dari lawatan seminggu ke negara tersebut.

Dr Mahathir, yang diiringi oleh Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali ke negara itu, berkata beliau mendapati Myanmar kaya dengan peluang-peluang pelaburan serta peluang untuk mengimport barangan daripada negara tersebut.

"Myanmar sebuah negara yang kaya dengan sumber alam, termasuk juga bahan mentah dan kawasan tanah pertanian yang besar," katanya.

Beliau berkata Malaysia boleh membeli banyak bahan pertanian seperti cili, bawang, gula, jagung dan ikan,

"Sumber ikannya begitu baik sekali," katanya.

Perdana Menteri menjelaskan tujuan lawatan beliau ke Myanmar adalah untuk mendapat maklumat secara langsung mengenai keadaan negara berkenaan.

"Ada laporan-laporan yang kita dapat daripada punca-punca lain menunjukkan keadaan negara itu seolah-olah tidak baik," katanya.

Sebaliknya kerajaan Myanmar memberi perhatian kepada usaha pembangunan negara serta rakyat terutama mereka yang tinggal di kawasan luar bandar, tambahnya.

Dr Mahathir berkata beliau mendapati kerajaan Myanmar berminat untuk merapatkan hubungan di antara kedua-dua negara.

"Mereka memangpun ingin merapatkan hubungan dengan Malaysia," katanya.

-- BERNAMA

MAD OS